



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2017/06/44 (HQ)

BERTUGAS DEMI RAKYAT

Lebih satu perempat (suku) daripada warga kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu seramai 8,800 petugas dan sebilangan pekerja kontraktor-kontraktornya akan bertugas sepanjang perayaan Aidilfitri bagi memastikan kelancaran bekalan elektrik demi keselesaan pengguna menyambut Syawal.

“Mereka akan bertugas secara tunggu sedia 24 jam bermula Jumaat ini,” kata Pengurus Besar Kanan Distribution Network, Bahagian Pembahagian, Wan Nazmy Wan Mahmood.

Menurutnya, TNB telah pun membuat persiapan awal bagi meminimumkan sebarang kemungkinan berlakunya gangguan bekalan elektrik sepanjang musim perayaan ini, termasuklah membuat pemeriksaan di semua stesen janakuasa dan pencawang.

Selain itu, katanya, penambahbaikan kepada sistem pencawang bagi menampung jangkaan beban yang meningkat di sesetengah kawasan juga telah dilaksanakan sebaik-baiknya.

“Lebih 60 set janakuasa bergerak (mobile genset), dengan kapasiti antara 125 KVA hingga 1,250 KVA juga berada dalam siap sedia untuk digunakan sebagai punca bekalan alternatif, bergantung kepada keperluan.

“Bagi tujuan itu, kami telah menyerahkan permohonan menggunakan kenderaan berat kepada JPJ negeri bagi membolehkan kenderaan TNB menggunakan lebuhraya ketika tempoh larangan sepanjang musim perayaan nanti,” katanya.

Wan Nazmy turut menasihatkan pengguna untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan TNB di talian 15454 atau Facebook TNB Careline untuk mendapatkan bantuan, sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik sepanjang perayaan Aidilfitri.

Untuk warga kerja yang dijadualkan bertugas pada 1 Syawal, TNB membekalkan mereka dengan juadah raya yang disediakan oleh Persatuan Wanita Tenaga Nasional Malaysia (PELITAWANIS).

Dikeluarkan di Kuala Lumpur, jam 12:00 tengah hari, 22 Jun 2017

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Datuk Omar Sidek (013-3418988) / Nor Hanim Idris (019-2617617) atau media@tnb.com.my